

UNDANG-UNDANG

PERSATUAN CAPAIAN MAKLUMAT DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (PECAMP) MALAYSIA

PECAMP Malaysia
Februari 2006

**PERSATUAN CAPAIAN MAKLUMAT DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
(PECAMP) MALAYSIA
(Society of Information Retrieval and Knowledge Management Malaysia – SIRKOM)**

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Persatuan Capaian Maklumat dan Pengurusan Pengetahuan (PECAMP) Malaysia.

Selepas ini disebut "Persatuan Capaian Maklumat dan Pengurusan Pengetahuan Malaysia".

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah Lot 4, Jln 3/6P, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Tujuan persatuan ditubuhkan adalah seperti berikut:

- 3.1 Melestarikan status dan minat profesional capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.
- 3.2 Memulakan penambahbaikan dalam latihan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan, amalan profesional dan aktiviti lain-lain dalam capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.
- 3.3 Menyediakan kaedah berkomunikasi, membentuk kerjasama dan kesepakatan antara para akademik dengan profesional dalam aktiviti berkaitan dengan capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.
- 3.4 Meningkatkan minat terhadap penyelidikan dan perkembangan bidang capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.
- 3.5 Mengambil langkah bermanfaat untuk meningkatkan pengetahuan ahli persatuan terhadap sebarang isu berkaitan dengan capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 4.1 Keahlian Persatuan Capaian Maklumat dan Pengurusan Pengetahuan adalah seperti berikut:
 - a. Ahli kehormat
Ahli yang dijemput Ahli Jawatankuasa Pesatuan untuk menjadi Ahli kehormat.
 - b. Ahli seumur hidup
Terbuka kepada semua ahli biasa yang membayar yuran tahunan RM300.00 sekali gus.
 - c. Ahli biasa
Terbuka kepada semua ahli akademik dan profesional dalam bidang yang berkaitan.
 - d. Pelajar
Terbuka kepada semua pelajar Universiti di Malaysia dalam bidang berkaitan.

e. Organisasi

Ahli daripada organisasi industri berkaitan dengan yang berdaftar.

- 4.2 Borang keahlian perlu dihantar kepada Setiausaha yang kemudiannya mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- 4.3 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran bulan pertama seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.
- 4.4 Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti berkenaan.

FASAL 5 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

- 5.1 Tiada bayaran masuk dikenakan manakala yuran tahunan yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:
- a. Ahli kehormat tidak dikehendaki membayar yuran tahunan.
 - b. Ahli seumur hidup. Ahli biasa dibenarkan untuk membayar yuran sekali seumur hidup sebanyak RM300.00 (Tiga ratus ringgit sahaja).
 - c. Ahli biasa dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM 30.00 (Tiga puluh ringgit sahaja).
 - d. Ahli yang terdiri daripada pelajar dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM 10.00 (sepuluh ringgit sahaja).
 - e. Ahli Organisasi yang berdaftar dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM 300.00 (Tiga ratus ringgit sahaja).
- 5.2 Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 3 (Tiga) bulan di awal tiap-tiap tahun.
- 5.3 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada satu tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
- 5.4 Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi dua tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- 5.4 Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- 5.5 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang

itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 6 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 6.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
- 6.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

- 7.1 Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- 7.2 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan melibatkan semua ahli.
- 7.3 Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung tahunan adalah seperti berikut:
 - i. menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan di dalam tahun lalu;
 - ii. menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
 - iii. memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang; dan
 - iv. menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam mesyuarat itu.

- 7.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 7 (Tujuh) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- 7.5 Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:
- i. bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
 - ii. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.
- 7.6 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 7.7 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 (Tujuh) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 7.8 Fasal 7.1 dan 7.2 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 7.9 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat urusan Persatuan.

FASAL 8 JAWATANKUASA

- 8.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan pemilihan hanya akan dilakukan dua tahun sekali:
- Seorang Pengerusi
 - Seorang Naib Pengerusi
 - Seorang Setiausaha
 - Seorang Penolong Setiausaha
 - Seorang Bendahari
 - 4 orang Ahli Jawatankuasa Biasa
- 8.2 Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

- 8.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula untuk tahun-tahun berikutnya.
- 8.4 Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- 8.5 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 3 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 8.6 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pendedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
- i. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
 - ii. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
 - iii. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

- 8.7 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
- 8.8 Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- 8.9 Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk

menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurusan dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

- 8.10 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- 9.1 Pengerusi, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.
- 9.2 Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.
- 9.3 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama, alamat majikan dan alamat surat menyurat tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
- 9.4 Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- 9.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha.
- 9.6 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10 KEWANGAN

- 10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan

perbelanjaan pegawai-pegawa dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

- 10.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM 1000.00 (Satu ribu ringgit sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- 10.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.
- 10.4 Perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Sepuluh ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan kurang daripada RM 5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha dan Bendahari.
- 10.5 Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
- 10.6 Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1 hb. Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 11 PEMERIKSAAN KIRA-KIRA

- 11.1 Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.
- 11.2 Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PENGAMANAH

- 12.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Semua harta tetap kepunyaan Persatuan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani Surat Amanah (Deed of Trust).

- 12.2 Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung Persatuan.
- 12.3 Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhkan oleh Pengamanah yang baru yang dilantik dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 13 PENASIHAT/PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 14 LARANGAN

- 14.1 Persatuan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti dalam Trade Union Ordinance.
- 14.2 Persatuan dan ahli-ahlinya tidak dibenarkan mengadakan, menganjurkan atau melibatkan diri dalam loteri atau semua permainan yang bergantung kepada nasib semata-mata.
- 14.3 Persatuan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti politik atau menaja atau membiarkan lokasi persatuan digunakan untuk tujuan politik.

FASAL 15 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung melalui perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 16 PEMBUBARAN

- 16.1 Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.
- 16.2 Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.

16.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

.....
Pengerusi
Prof. Dr. Tengku Mohd Tengku Sembok

.....
Setiausaha
Nor Asiakin Binti Hasbullah